

MAHATHIR

1984

KUALA LUMPUR, 7 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMAT ISLAM PERLU MEMAHAMI DENGAN SEBENAR AJAR'AN AL-QURAN DAN HADIS SESUAI DENGAN ZAMAN KEBANGKITAN ISLAM YANG KINI MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MENUNTUT ILMU ADALAH WAJIB ATAS SETIAP UMAT ISLAM SAMADA LELAKI ATAU PEREMPUAN, DAN ILMU ITU ADA PULAFARDU ALN DAN FARDUKIFAYAH.

SESEORANG ITU DIWAJIBKAN MEMPELAJARI BERSUNGGUH-SUNGGUH ILMU AGAMA BAHAGIAN FARDU AXN YANG DAPAT MENJAGA AKIDAH KEPERCAYAANNYA SUPAYATETAP DE ATAS DASAR TAUHID DAN DAPAT MENJAGA AMAL IBADATNYA BERDASARKAN HUKUM-HUKUM SYARAK.

+MAKA IA DIGALAKKAN MALAH ADA KALANYA DIWAJIZKAN MEMPELAJARI ILMU-ILMU YANG LAINTERMASUK DALAM BAHAGIAN FARDU KIFAYAH YANG MELIPUTI SEGALA JENIS PENGETAHUAN DALAM MENCAPAI KEMAJUAN ALAM KEHIDUPAN UNTUK MEMBINA TAMADUN ISLAM YANG TINGGI SEPerti YANG PERNAH DICAPAI OLEH AGAMA ISLAM DALAM ZAMAN KEEMASANNYA, + KATA NYA DALAM BUKU MASTIKA HADIS JILID KEDUA (BAHAGIAN IBADAH) DALAM SIRI MASTIKA HADIS RASULLULLAH S.A.W. TERBITAN BAHAGIAN AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI.

BUKU TERBARU ITU YANG MENYENTUH SOAL-SOAL IBADAT KHUSUSNYA TENTANG SEMBAHYANG TELAH MULA DIJUAL DI PUSAT ISLAM DENGAN HARGA \$13 SENASKAH.--LAGI 1215/ZAM

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENYATAKAN AL-QURAN DAN HADIS TIDAK DAPAT DIPISAHKAN, PERDANA MENTERI BERKATA AL-QURAN MENERANGKAN MASALAH-MASALAH POKOK MANAKALA HADIS RASULLULLAM PULA MENJELASKANNYA SATU PERSATU.

MENURUTNYA DI ANTARA TUJUAN ISLAM YANG UTAMA IALAH MENGEMBANGKAN ILMU PENGETAHUAN DENGAN CARA MEMBASMI BUTA HURUF DAN BUTA AGAMA.

+DENGAN YANG DEMIKIAN SAYA YAKIN BAHAGIAN AGAMA JABATAN PERDANA MENTERI AKAN TERUS MENERBITKAN JILID-JILID YANG BERIKUTNYA SEHINGGA TAMAT SIRI INI SEPERTIMANA YANG DIRANCANGKAN UNTUK MENJADI SEBUAH ENSAIKLOPIDIA HADIS YANG JULUNG-JULUNG KALI DITERBITKAN DALAM BAHASA MALAYSIA, + UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

MASTIKA HADIS JILID KEDUA MENGANDUNGI 441 MUKA SURAT ITU TELAH DISEMAK DAN DISAHKAN KENDUNGANNYA OLEH MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN, TAN SRI SHEIKH MOHSIN HAJI SALLEH.

IA DIKARANG OLEH SHEIKH ABDULLAH BASMIH YANG MEMBUAT RUJUKAN DARIPADA 45 BUAH KITAB TASIR, HADIS DAN FEKAH DAN MENGAMBIL MASA DUA TAHUN UNTUK DISIAPKAN.--BERNAMA 1225/ZAM